

# Australia komited perkuat hubungan dengan Malaysia

KUALA LUMPUR 3 Dis. — Australia akan terus komited memupuk kerjasama dengan Malaysia dalam bidang keselamatan dan pertahanan, kata Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Australia, Nic Brown hari ini.

Selama ini pun katanya, Australia sudah menjalin kerjasama yang luas dengan Malaysia dalam pelbagai bidang seperti latihan ketenteraan dan pelbagai aktiviti lain bagi memperkukuhkan hubungan dua hala.

"Baru-baru ini Australia telah menandatangani memorandum persefahaman menentang keganasan dan mendapat kerjasama penuh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)," jelas beliau.

Brown berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa Malaysia sedia menyerang balas jika Australia menceroboh wilayah negara ini dalam usahanya memburu pengganas.

Kenyataan tersebut dibuat oleh Dr. Mahathir ekoran kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard kelmarin mengenai kesediaan negaranya menyerang pengganas di beberapa negara jirannya di Asia Tenggara dalam usaha menangani keganasan.

Kata Howard, beliau sedia bertindak jika mendapat tahu ada pengganas di mana-mana negara jiran yang merancang menyerang Australia.

Dr. Mahathir menyifatkan rancangan pencerobohan itu sebagai satu jenayah dan cubaan melancarkan perang terhadap negara ini.

Menurut Brown setakat ini, pihaknya masih belum mendapat sebarang reaksi dari Canberra berhubung kenyataan Dr. Mahathir itu.

"Oleh itu, biarlah segala-galanya kekal seperti sedia kala memandangkan hubungan kerjasama antara kedua-dua negara cukup baik mencakupi segenap bidang termasuk bidang pendidikan," katanya.